



Praktis PT3 Bahagian A

Soalan 1 – 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. _____ hari, Pak Mail menggilap barang-barang perhiasan tembaganya.
A Setiap
B Semua
C Segala
D Sesetengah
2. _____ daripada penduduk di Kampung Senai mahir mengayam bakul rotan.
A Setiap
B Segala
C Beberapa
D Sebilangan
3. Maida memakai _____ baju kurung sewaktu menghadiri Karnival Kesenian.
A sehelai
B sebertuk
C sebidang
D sepasang
4. Harlina membeli dua _____ bakul yang diperbuat daripada rotan.
A biji C ketul
B buah D butir
5. Akil menunjukkan _____ keris peninggalan datuknya kepada Hairul.
A sebilah C sebatang
B sebertuk D sepuntung

Soalan 6 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

6. A Kedua orang anak Puan Kamsiah sangat mahir mencanting batik.
B Beberapa bilah buluh digunakan untuk membuat meja makan itu.
C Puan Suraya menyarungkan sebertuk cincin ke jari manis bakal menantunya.
D Beribu orang penonton membanjiri stadium untuk menyaksikan persembahan lagu-lagu tradisional.
7. A Permainan congkak memerlukan dua orang pemain.
B Puan Rokiah mengepos tiga pasang kain batik kepada pelanggannya.
C Sudah berpuluh tahun istana di atas bukit itu tidak berpenghuni.
D Semua peserta-peserta pertandingan pakaian tradisional diminta untuk berhimpun di dewan.
8. I Bengkel menenun songket itu akan berlangsung selama berminggu.
II Segala tanah pusaka nenek telah dijual kepada syarikat perumahan itu.
III Hadi menyimpan pelbagai jenis duit syiling lama di dalam tabung.
IV Sepersalinan pakaian dihadiahkan oleh pengantin perempuan kepada pasangannya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Akmal melawat berapa tempat bersejarah semasa bercuti di Melaka.

2. Ibu menghidangkan kuih-muih dan masakan tradisional kepada para tetamu-tetamu.

3. Kelima biji kuih akok di atas meja itu dimakan oleh Aiman.

4. Camelia membeli dua helai tikar sewaktu bercuti di Cherating.

5. Jih Wei bergambar di hadapan sebiji bangunan bersejarah untuk dijadikan kenang-kenangan.
